

# Malaysia belum berhasrat kendali kawalan trafik udara

BH 27 APR 2002

ALOR STAR, Jumaat — Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, tiada kenerluan segera bagi Malaysia mengehendalikan sendiri kawalan trafik udara di beberapa bahagian negara yang kini dikawal Singapura.

“Kita tidak fikir pada masa sekarang memiliki radar sendiri bagi tujuan itu.

“Walaupun Singapura mengendalikan kawalan trafik udara itu tetapi syarikat penerbangan perlu juga membayar kepada Malaysia. Tanpa perlu melabur membeli peralatan itu, kita tetap mendapat pulangan,” kata Perdana Menteri pada sidang akhbar selepas merasmikan penutupan Minggu Saham Amanah Malaysia di sini hari ini.

Dr Mahathir berkata demikian apabila ditanya mengenai surat yang ditulis juruterbang Kapten Adnan

Rashid dalam ruangan pembaca akhbar *The New Straits Times* hari ini yang menceritakan pengalamannya terpaksa mendapatkan kebenaran Singapura bagi menukar haluan penerbangan dari Kertih ke Johor Baharu.

Dr Mahathir berkata, bayaran pesawat yang melalui ruang udara negara ini, dikutip dulu oleh Singapura sebelum membayar kepada negara ini.

Katanya, kutipan yang tinggi diperolehi daripada pesawat komersial manakala sumbangan pesawat kecil yang dibiayai kelab, tidak begitu tinggi.

Dalam surat pembaca itu, Adnan berkata, arahan dan kawalan kepada pesawat komersial di Semenanjung khususnya di Johor dan Pahang, masih dikawal Singapura.

Katanya, walaupun situ-

asi itu agak baik dari segi keselamatan, ia tetap memalukan kerana seolah-olah kemampuan petugas trafik udara di negara agak ketinggalan.

Adnan berkata, ketika membawa pesawat dari Kerteh ke Johor Bahru, beliau diberikan laluan melalui Pekan, Mersing sebelum ke Johor Bahru.

Bagi memendekkan perjalanan, katanya, beliau meminta kebenaran pusat kawalan udara di Kuantan bagi menggunakan laluan terus Pekan ke Johor Bahru.

Bagaimanapun, katanya, beliau diminta mendapatkan kebenaran pusat kawalan di Singapura bagi tujuan itu.

Ini menimbulkan kemasykulan kepada Adnan kerana perlu mendapat kelulusan agensi di luar negara ini bagi laluan domestik.